

1984

ALDR SETAR, 29 NOV (BERNAMA) -- PAS KINI BUKAN SAHAJA BERUSAHA UNTUK MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU TETAPI JUGADI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISANNASIONAL, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENDEDAHKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PARTI PEMANGKANG ITU TELAH CUBA MEMAKSA KERAJAAN DAN UMNO MEMBUAT KENYATAAN YANG BOLEH MENYEBABKAN PARTI-PARTI KOMPONEN RN BERPISAH DENGAN UMNO.

PAS BERHARAP DENGAN UMNO MEMBUAT KENYATAAN ITU, PARTI-PARTI LAIN DALAM BARISAN NASIONAL AKAN LARI MENINGGALKAN UMNO.

BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR TIDAK MENGHURAIKAN APAKAH KENYATAAN YANG DIPINTA OLEH PAS ITU.

BELIAU BERUCAP DI UPACARA PERLETAKAN BATU ASAS BANGUNAN MIC NEGERI KE DAHDI JALAN SULTAN BADLI SHAH DISINI.

BANGUNAN SETINGGI EMPAT TINGKAT DAN BERHARGA \$600,000 ITU TERLETAK PERDEPAN DENGAN BANGUNAN RARU IBU PEJABAT UMNO NEGERI YANG BARU SIAP TAHUN INI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL MENJELASKAN USAHA PAS ITU ADALAH UNTUK MENJADIKAN UMNO PARTI EKSTREMIS YANG TIDAK MEMPUNYAI TIMBANG RASA KEPADA KAUM DAN AGAMA LAIN.

+DENGAN CARA ITU, MEREKA BERHARAP SOKONGAN YANG DIBERIKAN KEPADA UMNO OLEH KAUM LAIN AKAN HILANG DAN OLEH ITU UMNO AKAN TEWAS DAN MEREKA AKAN MENANG+ KATANYA.

DR. MAHATHIR YAKIN RAKAN-RAKAN UMNO DALAM BN SEDAR TUJUAN PAS TIDAK ADA SAMA SEKALI KAITAN DENGAN AGAMA ISLAM TETAPI CUMAMUSLIHAT POLITIK UNTUK MEMECAH BELAHKAN PARTI-PARTI KOMPONEN ITU.

MENURUTNYA, TUJUAN PAS ITU IALAH SUPAYA UMNO YANG MENDAPAT SOKONGAN ORANG MELAYU AKAN BERADA DALAM KEADAAN +KUCAR-KACIR+ DAN MEREKA PULA DAPAT MENANGGUK DALAM KEADAAN ITU.

BELIAU BERHARAP MIC DAN LAIN-LAIN PARTI DALAM BN SEDAR AKAN SEGALATINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH UMNO DAN SEMOGA KESEDARAN ITU AKAN MENJADIKAN BN PARTI KUKUH YANG AKAN TERUS MEMERINTAH NEGARA.

OLEH DEMIKIAN, DR. MAHATHIR MAHU SEMUA PARTI KOMPONEN BN SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN UMNO DAN MENGENEPIKAN KEPENTINGAN SERTA KEHENDAK DIRI SEMATA-MATA.

+BUKAN NIAT UMNO UNTUK MENGUASAI MIC ATAU MANA-MANA PARTI BN. TETAPI SEBAGAI ADIK YANG KECIL, KITA MESTI SELALU IKUT TUNJUK AJAR UMNO. YANG UTAMA IALAH PERASAAN TIMBANG RASA DAN TOLAKANSUR+ JELAS BELIAU.

+KITA MESTI INGAT DALAM MANA-MANA ORGANISASI ATAU GABUNGAN, ADALAH PENTING KITA SANGGUP BEKERJASAMA DAN SUDAH TENTU KITA TIDAK DAPAT MENCAPAI SEGALAHENDAK KITA. ADA KALANYA KITA TERPAKSA MENERIMA PENDAPAT DAN KEHENDAK ORANG LAIN DAN MASA LAIN PULA, ORANG LAIN TERPAKSA MENERIMA PANDANGAN KITA, + TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK TAMAK KUASA MALAH SANGGUP MENERIMA PARTI PEMBANGKANG YANG INGIN TURUT SERTA DALAM PEMERINTAHAN NEGARA SEHINGGA TERTUBUHNYA BARISAN NASIONAL.

KATANYA, PARTI PERIKATAN PADA MASA DAHULU MEMBERI TEMPAT KEPADA PPP, GERAKAN DAN JUGA PAS KESEMUANYA PARTI PEMBANGKANG UNTUK MEMERINTAH NEGARA BUKAN KERANA PARTI PERIKATAN TIDAK CUKUP ORANG UNTUK MENTADBIR NEGARA TETAPI KERANA TIDAK TAMAK DAN INGIN KAN KUASA.

+KITA SANGGUP BERKONGSI DENGAN PARTI POLITIK LAIN ASAL KAN DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT, + BELIAU MEMBERI JAMINAN.

DR. MAHATHIR JUGA MENGULANGI PERLUNYA PARTI-PARTI KOMPONEN E N JANGAN TERLALU ASYIK MEMIKIRKAN CARA-CARA MENDAPATKAN KEUNTUNGAN --MENERUSI PERNIAGAAN.

SEBALIKNYA MEREKA PERLU MEMIKIRKAN BAGAIMANA, UNTUK MENINGKATKAN KEBAHAGIAN RAKYAT.

+PERNIAGAAN ADALAH SAMPINGAN YANG TIDAK PENTING DAN BOLEH DILUPAKAN JIKA BERTENTANGAN POLITIK.

YANG PERLU DIUTAMAKAN IALAH KITA ADALAH PARTS POLITIK YANG MELIBATKAN DIRI DALAM POLITIK UNTUK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT. +

+OLEH ITU, SAYA INGATKAN SEMUA, CUPAKAN MARTABAT, KERETA BESAR, PERNIAGAAN DAN LAIN-LAIN KEKAYAAN, TUMPUKAN PERHATIAN KEPADA TUGAS UTAMA KITA SEBAGAI ANGGOTA POLITIK, DAN JANGAN LUPA KEPADA PARA PENGUNDI KITA, + KATANYA. --BERNAMA

2030MST. 29.11.84.